

# Nelayan pantai terjejas

» *Hidap pelbagai penyakit akibat pencemaran air laut sekitar Pulau Pinang*

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar  
faridzwan@bh.com.my

Georgetown

**N**elayan pantai yang mencari rezeki di sepanjang perairan berhadapan Selat Prai, mengakui air laut di Pulau Pinang tercemar teruk kesan kegiatan pembuangan sisa kilang, perkapalan dan tebus

guna tanah.

Mereka mendakwa kini terpaksa menangkap ikan kira-kira tiga kilometer dari pantai kerana pencemaran hidrokarbon petroleum yang teruk selain kawasan air berhampiran pantai dicemari sampah sarap.

Malah, mereka juga mengakui menghidap lelah selain cepat penat, namun tidak dapat memastikan sama ada penyakit yang dihidapi berpunca dari pencemaran hidrokarbon petroleum dan bakteria lain akibat pencemaran marin.

Nelayan pantai, Mohd Yusoff Mohd, 50, berkata pencemaran akibat sisa petroleum yang bertoksik wujud di sepanjang perairan Pulau Pinang dengan kawasan pantai Selat Prai yang teruk terjejas.

Katanya, pihaknya sudah lama menderita akibat pencemaran yang berpunca daripada sisa petroleum daripada kapal dan kilang, sampah sarap serta kegiatan tebus guna tanah yang giat dijalankan bagi pembangunan hartanah.

## Ikan berkurangan

"Ikan semua sudah tiada dan kami tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa menangkap ikan jauh dari pantai.

"Kami juga sudah jarang turun ke laut kerana ikan sudah tidak banyak. Air laut juga kelihatan berminyak.... susah nak dapat ikan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Nelayan, Rahmat Abdul, 51, berkata ada rakan nelayan

yang tinggal berdekatan dengan laut menghidap lelah dan mudah letih jika melakukannya pekerjaan.

"Sakit itu memang ada, tetapi susah hendak cakap kalau ia berkaitan dengan bakteria dan pencemaran air laut. Saya anggap ia perkara biasa apatah lagi apabila usia kita semakin meningkat," katanya.

Mohd Amir Mohd Ali, 62, yang sudah menjadi nelayan lebih dua dekad di negeri ini pula mendedahkan banyak kilang didirikan di tebing sungai berdekatan muara menuju ke laut.

Katanya, kilang berkenaan sering melepaskan sisa menyebabkan air sungai dan laut tercemar dengan hidrokarbon petroleum.



Mohd Yusoff menunjukkan perairan Jelutong yang **di cemari hidrokarbon petroleum dan sampah sarap.**

[FOTO MALINDA ABDUL MALIK/BH]

*"Sakit itu memang ada, tetapi susah hendak cakap kalau ia berkaitan dengan bakteria dan pencemaran air laut. Saya anggap ia perkara biasa apatah lagi apabila usia kita semakin meningkat"*

Rahmat Abdul,  
Nelayan